

23 OCT 1998

Belanjawan-Reaksi (NGO)

NGO SAMBUT BAIK BELANJAWAN 1999

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyambut baik Belanjawan 1999 yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini.

Mereka berpuas hati dengan langkah dan tindakan kerajaan yang mampu menyediakan peruntukan yang adil dan saksama walaupun dalam kegawatan ekonomi.

Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia (MKKM) menyambut baik keputusan kerajaan meneruskan agenda masyarakat penyayang melalui program-program pemulihan dan perlindungan bagi golongan yang memerlukan bantuan.

Setiausaha MKKM Ismail Majid berkata dengan adanya peruntukan oleh kerajaan, lebih banyak aktiviti untuk kanak-kanak dan remaja dapat dikembangkan terutama ke kawasan luar bandar.

Sebanyak RM265 juta diperuntukkan tahun depan antara lain untuk membina dan menaikkan taraf rumah kebajikan dan pembinaan pusat aktiviti perpaduan serta Institut Sosial Malaysia yang berjumlah RM118 juta.

Ismail berkata pihaknya berharap dengan peruntukan yang ada, MKKM akan dapat mempertingkatkan pusat sumbernya di Kuala Lumpur bagi memudahkan tugas penyelidikan dan pengumpulan maklumat mengenai remaja dan kanak-kanak.

Selain itu, Ismail menggesa badan-badan bukan kerajaan yang lain dapat mengambil kesempatan ini untuk mempertingkatkan khidmat sosial dan kebajikan mereka kepada masyarakat dan negara.

Naib Presiden Pemadam Kebangsaan Datuk Lee Lam Thye pula berkata peruntukan sebanyak RM75 juta untuk mempertingkatkan pencegahan dan pemulihan penagihan dadah jelas membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap masalah sosial di negara ini.

Peruntukan yang diberikan adalah wajar kerana banyak yang perlu dilakukan untuk membendung aktiviti pengambilan dadah dan memulihkan penagih, katanya.

Beliau berkata sehingga kini terdapat kira-kira 180,000 orang penagih dadah yang telah dikenalpasti.

"Melalui peruntukan itu, lebih banyak aktiviti dan kempen pencegahan dapat dijalankan bagi mengurangkan masalah ini," katanya lagi.

Selain itu, Lee turut meminta kerajaan mempertimbangkan untuk turut memberi peruntukan kepada badan-badan bukan kerajaan yang didapati bergiat aktif dalam pencegahan dan pemulihan dadah.

Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) turut mengalu-alukan strategi dan langkah yang terkandung dalam Belanjawan 1999.

Pengarah Eksekutifnya Mustafa Mohamed Najimudin berkata belanjawan itu mampu memulihkan serta memantapkan kedudukan peniaga Bumiputera melalui peruntukan untuk pembangunan sebanyak RM18 bilion.

"Ini terutamanya peruntukan RM7 bilion untuk pembangunan prasarana di samping langkah-langkah yang telah diambil oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara melalui Pelan Pemulihan Ekonomi Malaysia," katanya.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia Dr Ridzwan Bakar turut menyambut baik keputusan kerajaan memperuntukkan RM4.51 bilion yang disediakan untuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

Perdana Menteri, antara lain, turut mengumumkan pengambilan 3,900 pegawai perubatan dan paramedik, peningkatan kemudahan dan peralatan hospital dan klinik terutamanya rawatan untuk penyakit jantung, kanser dan diabetes serta beberapa perkhidmatan baru.

Menurut Ridzwan, tindakan itu mampu membantu rakyat terus menikmati taraf perkhidmatan kesihatan yang baik dan selesa.

Bagaimanapun, Ridzwan turut meminta kerajaan supaya mengecualikan cukai ke atas peralatan perubatan yang terpaksa ditanggung oleh hospital swasta terutama yang melibatkan rawatan pesakit luar negeri seperti yang digalakkan oleh kerajaan.

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Malaysia Saifuddin Abdullah berpuas hati dengan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan kepada Kementerian Belia dan Sukan berhubung dengan pembangunan belia.

"Walaupun peruntukan RM37 juta itu adalah kurang RM1 juta dari peruntukan yang diberikan tahun lepas, kami amat berterima kasih kerana disangkakan peruntukan akan dipotong lebih dari itu," katanya.

"Persatuan belia kini juga sedang mengambil pelbagai inisiatif untuk menghasilkan pendapatan sendiri agar tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada peruntukan kerajaan. Ini diharapkan dapat mengurangkan sedikit beban yang ditanggung kerajaan," katanya.

Tentang peningkatan cukai rokok pula, Saifuddin menyatakan puas hati terhadap kenaikan kadar cukai kerana kenaikan harga akan mengelakkan belia dari merokok.

Setiausaha Agung Pertubuhan Anak-anak Yatim (PEYATIM) Ahmad Sulaiman pula berpendapat bahawa orang ramai sepatutnya memberikan kerjasama kepada kerajaan dalam usaha menangani masalah kegawatan ekonomi dengan menerima baik Belanjawan kali ini.

"Dalam keadaan kegawatan seperti ini jika kita sayangkan negara kita sepatutnya memberi kerjasama kepada belanjawan defisit ini kerana ini adalah usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ini," katanya.

Beliau juga berpuashati kerana walaupun belanjawan kali ini merupakan belanjawan defisit, kerajaan masih prihatin kepada mereka yang kurang bernasib baik seperti RM265 juta yang disediakan untuk meneruskan agenda masyarakat penyayang yang akan disalurkan melalui program-program pemulihan dan perlindungan bagi golongan yang memerlukan bantuan. rehabilitation activities are an substantial amount.

-- BERNAMA

TM AKD